

GERHANA MATAHARI DI JAWA

Masa beranjak dengan perlahan pada pagi hari itu, 11hb. Jun, 1983. Kami berangkat dari kem sejenak selepas subuh, takut kalau terlepas peluang untuk melihat fenomena samawi yang indah. Kami mengejar matahari, berlumba-lumba ke beberapa tempat di mana kami agak langitnya terang. Pada akhirnya kami memilih sebuah tempat di atas bukit di mana pemandangan sekeliling tidak terganggu oleh pokok dan lain-lain. Kami menyediakan alat dan menunggu.

Suasana tegang. Dari jauh sayup-sayup kedengaran orang mengaji. Aku melihat sekeliling. Aneh, fikirku, orang lain tidak datang beramai-ramai untuk menyaksikan kejadian yang tidak ada taranya ini. Kerajaan telah memberi amaran kepada orang ramai supaya tidak menikmati gerhana kerana ia amat merbahaya.

Di bawah matahari terik kami makan, minum dan membincangkan pada kali terakhir butir teknikal dan langkah-langkah perlu yang harus dilakukan dengan cepat dan cekap. Maklumlah, gerhana akan kekal untuk lima minit sahaja dan jikalau sebarang kerosakan berlaku dalam tempoh ini, tiada masa untuk memperbaikinya. Filem gelap untuk melihat matahari dengan selamat kami agihkan pada beberapa orang kampung yang telah tiba. Sebilangan kecil sahaja yang berani melanggar arahan kerajaan. Mereka mendapat ransangan dari pakar-pakar astronomi yang datang dari seluruh pelosok dunia untuk mengkaji gerhana matahari.

Apabila bayang bulan pertama kali menyentuh cakra matahari, tidak ramai yang menyedarinya. Tetapi, dengan serentak, terdengar beberapa teriakan meriah yang memecah ketegangan, merebak dari kerongkong ke kerongkong sehingga terdengar satu sorakan gembira. Ada yang bertepuk tangan. Kertik-kertik kamera yang merekodkan peristiwa itu tenggelam dalam riuh-rendah keriang. Matahari masih terlalu cerah untuk dilihat tanpa filem gelap.

Suasana berganti dan kembali tegang: peristiwa yang ditunggu-tunggu masih belum berlaku. Langit semakin muram. Setengah cakra matahari mula disamarkan bulan.

*Nota ini adalah curahan perasaan seorang ahli kajibintang ketika menyaksikan gerhana matahari pada tanggal 11hb. Jun 1983 di Borobodour, Jawa — Editor.

Lima menit sebelum gerhana sempurna: langit di barat menjadi kelam, suhu udara jatuh beberapa derajat dan tiupan angin dingin menaikan bulu roma di tanganku. Kesan keseluruhannya memperingatkan aku akan suasana sebelum ribut yang akan melanda: perasaan bahawa sesuatu yang kurang baik akan berlaku adalah sama. Ayam berkokok, burung pulang ke sarang dan kerbau di kampung berdekatan menguak marah.

Cahaya matahari yang agam sekarang hanya tinggal sabit yang halus. Di hadapan mataku sabit ini mengecut menjadi talian manik yang berkilauan yang menggaris pinggir bulan. Manik-manik ini seterusnya menguncup menjadi satu permata cahaya yang indah seperti cincin berlian raksaksa di langit.


Aku terpegun dengan keindahan yang ku lihat tetapi sebelum aku dapat menarik nafas yang seterusnya, cahaya permata tadi hilang, seperti lilin yang ditiup angin kencang. Gerhana sempurna telah bermula. Korona tampil dengan keagungan yang tenang, menyinarakan cahaya putih-kebiruan yang lembut yang tidak merosakkan mata. Cahaya peraknya mencorek angkasa lepas, jauh berjuta kilometer. Matahari yang sebelum ini mencurahkan cahaya yang menampung kehidupan di bumi kini kelihatan seperti lubang hitam di langit yang dikelilingi api penciptaan.

Sungguhpun matahari tidak memancar, pokok-pokok masih membuang bayang. Aku merasa seperti alam tabii tidak teratur, seolah-olah hukum-hukum lazim alam semesta sudah tidak dipatuhi lagi. Perasaan bahawa aku ini kecil makin meningkat. Kesedaranku akan perbezaan skala menginsafkan: aku hanya makhluk yang amat kecil di kosmos yang terlalu luas, seorang penonton di pinggir bumi yang sedang menyaksikan matahari, bumi dan bulan mengaturkan tarian samawi yang dikoreografikan oleh Allah.

Aku merasa ganjil menikmati senjakala di pagi hari. Ku lihat langit di ufuk bermarak dengan cahaya keemasan. Zuhara (Venus) tampak terang di timur dan beberapa bintang berkelip-kelip di bahagian langit yang gelap. Di pinggir selatan bulan kelihatan prominens merah: nyala api hidrogen yang melayang di atmosfera matahari. Kertik-kertik kamera berterusan.

Tiba-tiba satu permata cahaya muncul di lembah antara gunung-gunung di permukaan bulan, menandakan berakhirnya gerhana sempurna, tanpa aku menyedari bahawa lima menit telah berlalu. Bulan sekarang di kalung manik-manik yang seterusnya merebak menjadi sabit cahaya. Justeru aku teringat akan bahaya memandang terus kepada matahari dan mengelakkan mataku dengan segera. Langit semakin cerah. Fajar yang telah ku ragui jelas wujud untuk sementara sahaja seraya aku melihat marak cahaya putih yang lembut memandikan pemandangan.

Ketegangan yang dirasakan kini lenyap. Suasana menjadi meriah seperti di pesta. Ada yang bertepuk tangan sebagai tanda penghargaan bagi pertunjukan yang baru berlalu. Untuk sebahagian dari kami kerja telah selesai tetapi untuk sebahagian lagi pencerapan diteruskan sehingga seluruh cakera bulan meninggalkan cakera matahari.



Sejurus kemudian matahari kembali bergantung seperti tanglung emas di langit dan bulan beredar dalam orbitnya tanpa dihiraukan oleh sebarang makhluk di bumi. Pertunjukan tarian sudah tamat dan dunia kembali seperti sediakala.

Mazlan Othman
Jabatan Fizik
Universiti Kebangsaan Malaysia

AKADEMIKA AKADEMIKA AKADEMIKA AKADEMIKA AKADEMIKA AKADEMIKA AKADEMIKA AKADEMIKA

Hantarkan pesanan tuan kepada: **PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,**
Send your orders to **Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, MALAYSIA.**

- | | | | |
|--|---------|--|-------|
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 1, Julai 1972 | M\$5.00 | <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 14 Januari 1979 | 5.00 |
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 2, Januari 1973 | 5.00 | <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 15 Julai 1979 | 5.00 |
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 3, Julai 1973 | 5.00 | <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 16 Januari 1980 | 5.00 |
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 4, Januari 1974 | 5.00 | <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 17 Julai 1980 | 5.00 |
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 5, Julai 1974 | 5.00 | <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 18 Januari 1981 | 10.00 |
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 6, Januari 1975 | 5.00 | <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 19 Julai 1981 | 10.00 |
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 7, Julai 1975 | 5.00 | <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 20 & 21 Januari-Julai 1982 | 20.00 |
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 8, Januari 1976 | 5.00 | <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 22 Januari 1983 | 10.00 |
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 9, Julai 1976 | 5.00 | <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 23 Julai 1983 | 10.00 |
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 10, Januari 1977 | 5.00 | <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 24 Januari 1984 | 10.00 |
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 11, Julai 1977 | 5.00 | <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 25 Julai 1984 | 10.00 |
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 12, Januari 1978 | 5.00 | <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 26 Januari 1985 | 10.00 |
| <input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 13 Julai 1978 | 5.00 | | |

Pos/Postage:

Jumlah penuh/*Total price:* M\$ _____

Pos/Postage: Tambahan/*add* M\$0.40 senaskhah/*per copy.*

Bayar bank draf/kiriman wang atas nama/*Make your bank draft/money orders payable to:* **Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia**

Harap poskan jurnal kepada/*Please mail the journals ordered to:*

Nama/*Name:* _____ Jawatan/*Position:* _____

Alamat/*Address:* _____

Disertakan/*attached:* Bank draf/*bank draft*/Kiriman Wang/*Money Orders* No: _____ Tandatangan/*Signature:* _____

